



# Persatuan Pengguna Pulau Pinang Consumers Association of Penang

檳城消費人協會 பிளாங்கு பயனீட்டாளர் சங்கம்

Websites:  
[www.consumer.org.my](http://www.consumer.org.my)

10 Jalan Masjid Negeri, 11600 Pulau Pinang, Malaysia  
Tel: 604-8299511 Fax: 604-8298109  
email: [consumerofpenang@gmail.com](mailto:consumerofpenang@gmail.com)

**Kenyataan Akhbar**

**3 Julai 2020**

## **Umumkan Kepada Orang Ramai Rang Undang-undang Langkah Sementara**

Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) menggesa kerajaan agar berhati-hati dengan penggubalan Rang Undang-undang Langkah Sementara yang menghalang pemaju perumahan dan pembeli rumah daripada menyaman antara satu sama lain hasil penangguhan dalam penyediaan akibat pandemik Covid-19.

Walaupun ia adil bahawa tarikh penyediaan dilanjutkan disebabkan oleh gangguan yang disebabkan oleh pandemik, undang-undang itu tidak seharusnya menghalang pembeli rumah daripada menyeret pemaju ke mahkamah bagi isu selain daripada penyediaan projek yang lebih lama daripada tiga bulan.

Pemaju tidak seharusnya diberikan 'cek kosong' dalam kelewatan projek mereka. Sebabnya kerana Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula pada 18 Mac 2020 dan kerja-kerja di tapak pembinaan disambung semula pada awal Mei.

Membolehkan pemaju untuk melanjutkan tarikh penyampaian projek mereka melangkaui tiga bulan mungkin menyebabkan kesukaran kewangan kepada pembeli rumah yang menyewa serta perlu membayar pinjaman perumahan. Pembeli rumah lain mungkin mengalami masalah yang timbul daripada kelewatan seperti pemaju berdepan dengan projek tergantung mungkin cuba mencari alasan untuk melewati lagi daripada yang sepatutnya. Kelewatan yang berlarutan dalam satu projek akan memberikan kesan negatif kepada beratus keluarga terutamanya daripada golongan Bawah 40 (B40) atau kumpulan Pertengahan 40 (M40).

Undang-undang yang dicadangkan itu seharusnya lebih khusus dan membenarkan pembeli rumah menyeret pemaju ke mahkamah jika terdapat pembuatan yang buruk, kecacatan struktur atau beberapa alasan lain selain daripada kelewatan dalam penyediaan yang munasabah. Kami menggesa kerajaan supaya mengumumkan kepada orang ramai butiran Rang Undang-undang Langkah Sementara itu kerana ia memberi kesan kepada kehidupan berjuta rakyat Malaysia dengan satu atau lain cara.

**MOHIDEEN ABDUL KADER**  
**Presiden**  
**Persatuan Pengguna Pulau Pinang**